

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**BAGI BULAN MAC 2015**

**PADA**

**26 MAC 2015**

**(KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

**KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,

YBhg. Dato' Sri-Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan, wakil-wakil media, hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

YBhg.Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

## **KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA**

2. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya saing dan berada pada landasan kukuh untuk mencatat pertumbuhan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Meskipun berdepan ketidakpastian luaran, ekonomi negara masih mampu mencatatkan pertumbuhan purata tahunan kukuh sekitar 5.0 peratus dalam tempoh hampir sedekad. Pada tahun 2014, ekonomi negara adalah antara ekonomi yang berkembang pesat di rantau Asia dengan mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.0 peratus, dipacu permintaan domestik serta kemajuan dalam perdagangan luar.

3. Menurut laporan itu lagi, Sektor pembinaan terus kukuh, didorong terutamanya oleh sub sektor kediaman dan bukan kediaman. Ini menunjukkan sektor pembinaan juga merupakan tunjang dan peneraju terpenting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Alhamdulillah, dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, Negara kita masih lagi

mengekalkan momentum positif ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

## **CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)**

4. Bermula 1 April ini, Kerajaan akan melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax*, GST). Sebagai Kementerian yang terlibat secara langsung dengan kontraktor yang melaksanakan projek-projek Kerajaan, saya berharap supaya pegawai Kementerian dan Agensi yang terlibat telah memperlengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai GST. Saya difahamkan beberapa siri seminar dan taklimat telah dianjurkan oleh Kementerian dan Agensi bersama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi memperjelaskan tentang pelaksanaan GST ini.

5. Saya percaya, Kerajaan telah menjalankan kajian mendalam dan komprehensif berkaitan rancangan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) bagi memastikan ianya tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat. Kajian seumpama itu penting bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saing. Kerajaan telah membuat kajian mendalam, matlamat kita adalah untuk menjaga kesejahteraan rakyat. GST memastikan sumber kerajaan lebih *sustainable* kerana orang akan sentiasa berbelanja. Selalu kita dengar pertanyaan “Mengapa GST dibuat atau dilaksanakan?”. Ianya adalah untuk memberikan lebih '*disposable income*' kepada orang ramai apabila GST diperkenalkan.

6. Bahagian-bahagian dan Agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan dan pembangunan kontraktor telah melaksanakan beberapa siri penerangan berkenaan pelaksanaan GST bersama dengan persatuan dan pemain industri bagi berkongsi pengetahuan serta impak dan faedah pelaksanaannya kepada industri pembinaan negara. Saya berharap kita dapat sama-sama menjayakan pelaksanaan GST ini demi kemajuan dan kesejahteraan negara. Sesi taklimat dan penerangan ini hendaklah diteruskan lagi terutamanya diperingkat awal pelaksanaannya nanti.

### **ANCAMAN ISLAMIC STATE (IS)**

7. Mutakhir ini, negara kita dikejutkan dengan ancaman penuluran fahaman ekstrem dalam kalangan rakyat iaitu kegiatan militan Islamic State (IS). Saya tidak mahu ada di kalangan warga Kementerian dan Agensi yang terlibat dengan kegiatan militan IS ini. Sebagai penjawat awam kita seharusnya berpegang teguh dengan prinsip dan akujanji yang telah kita ikrarkan. Saya juga menyeru agar kita semua berwaspada dengan propaganda golongan ini, dan mengawasi ahli keluarga masing-masing, supaya tidak terpedaya dengan dakwah menyalahgunakan konsep jihad atas prinsip agama. Sama-samalah kita menghayati ajaran Islam yang sebenar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **PEMBINAAN RUMAH KEKAL BANJIR**

8. Semasa bertitah merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas pada 9 Mac lalu, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong berharap proses bantuan dan pemulihan semula infrastruktur di kawasan-kawasan yang terlibat dengan bencana banjir besar dapat dilaksanakan dengan kadar yang seberapa segera. Ini termasuklah pembinaan rumah-rumah kekal dan pembaikan rumah-rumah yang mengalami kerosakan teruk akibat bencana tersebut. Sehingga 23 Mac 2015, sebanyak 172 rumah kekal sedang dibina iaitu 100 di Kelantan, 39 di Pahang, 7 di Terengganu dan 26 di Perak. Saya berharap kerja-kerja pembinaan rumah kekal ini dapat dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan agar mangsa-mangsa banjir mendapat manfaat daripadanya.

## **KES DEMAM DENGGI**

9. Kes kematian akibat demam denggi amat membimbangkan mutakhir ini. Berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan dari awal tahun sehingga 18 Mac 2015 adalah sebanyak 30,033 kes, berbanding hanya 21,111 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun lepas, berlaku peningkatan sebanyak 42% atau 8,922 kes. Manakala sebanyak 95 kematian dicatatkan berbanding 50 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 45 kematian (90%). Bagi tempoh yang sama, melalui pemantauan KKM sejumlah 902 lokaliti wabak yang masih aktif dilaporkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 259 lokaliti adalah di Selangor (214), Perak (38), Sabah (6) dan Pulau Pinang (1).

10. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan kejadian kes pada masa ini. Salah satu tindakan bersepadu yang dilakukan ialah menjalankan aktiviti penguatkuasaan iaitu Ops Gempur Tapak Binaan di negeri Selangor. Hasil aktiviti Ops Gempur dari 10 Februari hingga 6 Mac 2015, mendapati daripada 102 tapak binaan yang telah diperiksa, 85% iaitu sebanyak 87 daripadanya mempunyai pembiakan serangga pembawa penyakit dan kesemuanya akan didakwa di mahkamah. Manakala sebanyak 74 atau 73% daripada tapak binaan yang diperiksa, telah diberi perintah penutupan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Di sini saya menyeru semua Pegawai Penguasa projek untuk memastikan tapak binaan bagi projek-projek Kerajaan yang mereka uruskan, berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Perkara ini mestilah menjadi agenda tetap dalam mesyuarat tapak setiap projek Kerajaan.

11. Lantaran itu, saya menyeru kepada semua warga Kementerian dan Agensi agar mengamalkan cara hidup yang bersih dan sihat dengan sentiasa menjaga kebersihan persekitaran sama ada di pejabat mahupun di rumah. Dapatkan bantuan perubatan dengan segera sekiranya mengalami gejala denggi. Persekitaran yang bersih dapat menjauhkan diri kita, keluarga dan masyarakat sekeliling daripada pembiakan nyamuk Aedes.

## **SISTEM MOBILE APPS – ADUAN JALAN KKR**

12. Jumlah pengguna telefon selular pada tahun 2014 di Malaysia telah meningkat kepada 44.9 juta dengan kadar penembusan per 100 penduduk adalah sebanyak 148.5%. Selaras dengan *trend* rakyat yang

kini telah beralih kepada medium aplikasi mobile yang semakin berleluasa penggunaannya maka Kementerian Kerja Raya telah mengambil satu langkah proaktif ke arah transformasi Kementerian dengan mewujudkan satu lagi saluran baru kepada orang awam dengan membangunkan **aplikasi mobile Aduan Jalan KKR**. Ini merupakan salah satu daripada inisiatif strategik kementerian dalam merakyatkan perkhidmatan awam.

13. Aplikasi mobile ini dapat memudahkan orang awam membuat aduan kerosakan jalan secara bergambar dan mendapat maklumbalas yang lebih cepat. Aplikasi Mobile ini di sokong dengan teknologi GPS pada telefon pintar bagi mendapatkan koordinat lokasi aduan yang tepat. Dengan maklumat aduan yang terperinci, sistem ini akan memudahkan tugas-tugas pemantauan setiap aduan bagi kerosakan jalan. Sistem ini akan membantu meningkatkan imej KKR di dalam pengurusan aduan yang lebih cekap. Aduan mengenai kerosakan jalan yang dibuat oleh orang awam melalui aplikasi mobile ini adalah melangkai kesemua kategori jalan di seluruh negara. Aplikasi mobile Aduan Jalan KKR ini telah boleh dimuat turun secara percuma melalui *App Store* pada platform *Android* dan *Play Store* pada platform iOS.

## **PELAN TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN**

14. Pelan Transformasi Industri Pembinaan (Construction Industri Transformation Programme - CITP) telah dibangunkan dengan kerjasama Agensi Pusat, Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang mewakili industri pembinaan



untuk merealisasikan transformasi bagi meletakkan industri pembinaan sebagai sektor yang menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. CITP telah menggariskan empat teras strategik iaitu:

- i. *productivity* - Meningkatkan nilai tambah setiap pekerja melalui penggunaan kaedah pembinaan moden, berteknologi tinggi dan mekanisasi serta menggunakan tenaga kerja yang mahir secara berkesan dan meningkatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS);
- ii. *environmental sustainability* - Mengurangkan pembaziran dan kesan kepada alam sekitar melalui penggunaan bahan dan tenaga yang lebih cekap serta menggabungkan elemen reka bentuk yang meningkatkan jangka hayat bangunan, infrastruktur dan persekitaran semula jadi;
- iii. *internationalization* - Meningkatkan kapasiti dan daya saing pemain industri di dalam negara dan di peringkat antarabangsa melalui peningkatan pembiayaan, pembentukan konsortium, dan peningkatan kapabiliti dalam pasaran eksport yang berpotensi tinggi; dan
- iv. *quality, safety and professionalism* - Meningkatkan tahap kualiti, keselamatan dan profesionalisme dengan memperkenalkan standard minimum bagi kualiti bahan binaan dan piawaian minimum bagi keselamatan dan kemudahan pekerja, serta mengurangkan birokrasi yang menjejaskan kemudahan menjalankan perniagaan dalam industri.

15. Elemen asas ini dijangka akan mengubah industri pembinaan menjadi lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Aspirasi yang diharapkan termasuk peningkatan tenaga kerja yang mahir, peningkatan penggunaan kaedah pembinaan yang berteknologi tinggi, penerapan agenda kemampanan dalam semua aspek pembangunan, penerapan budaya keselamatan yang tinggi dan menjadi lebih kompetitif dalam menghadapi cabaran globalisasi.

16. CITP telah menetapkan sasaran yang ingin dicapai seperti berikut:

- i. Kadar pertumbuhan sebanyak 10% setahun untuk industri pembinaan;
- ii. Meningkatkan produktiviti sebanyak 2.5 kali, daripada USD7,000 bagi setiap pekerja pada tahun 2011 kepada USD16,500 bagi setiap pekerja menjelang tahun 2020;
- iii. Mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40% pada tahun 2020 daripada paras 2005;
- iv. Meningkatkan sebanyak 10% kontraktor yang diiktiraf oleh Badan Bebas standard kesihatan dan keselamatan antarabangsa;
- v. Mewujudkan konsortium besar pelbagai disiplin untuk pasaran antarabangsa pada Disember 2018; dan
- vi. Meningkatkan keperluan kemampanan untuk kedua-dua projek awam dan swasta bagi memastikan pembinaan lebih berdaya tahan terhadap bencana alam.

17. Sehingga 20 Mac 2015, CITP telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Khas Sektor Perkhidmatan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri di mana CITP akan dirangkumkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) nanti.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Akhir kata sekali lagi saya mengambil kesempatan di sini menyeru supaya warga KKR dari semua peringkat di setiap bahagian dan cawangan mempelbagaikan kaedah kerja dan membuat penambahbaikan secara berterusan di samping menyumbang tenaga di luar kebiasaan daripada tuntutan tugas seharian. Marilah kita berdoa dan berharap semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T. jua.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.